

# Peniaga dakwa alami kerugian

**Pemborong jual kepada peruncit melebihi penetapan SHMMP**

NORAFIZA JAAFAR

KAJANG

P enentuan harga bo-  
 rong dan runcit sem-  
 pena Skim Harga  
 Maksimum Musim Peraya-  
 an (SHMMP) Hari Raya  
 Puasa 2019 ditetapkan oleh  
 Kementerian Perdagangan  
 Dalam Negeri dan Hal Eh-  
 wal Pengguna (KPDNHEP)  
 selepas mengambil kira  
 pandangan semua jabatan  
 terlibat.

Pengarah Kementerian  
 Perdagangan Dalam Nege-  
 ri dan Hal Ehwal Pengguna  
 (KPDNHEP) Selangor, Mu-  
 hamad Zikri Azan Abdul-  
 lah berkata, setiap aduan  
 yang diterima seperti dak-  
 waan peniaga seperti dak-  
 waan peniaga terpaksa me-  
 nanggung kerugian selepas  
 terikat dengan skim itu akan  
 diambil maklum dan dise-  
 mak kesahihannya sebelum  
 tindakan selanjutnya.

"Sekiranya benar wujud  
 apa yang dikatakan peniaga,  
 maka tindakan lanjut de-  
 ngan membawa perkara itu  
 ke peringkat Kementerian.

"SHMMP ini dilaksana-  
 kan di peringkat jabatan  
 terlibat termasuk pembor-  
 rong dan peruncit. KPD-  
 HEP telah ambil kira kese-  
 luruhan aspek sebelum  
 menetapkan harga dilaku-  
 kan," katanya selepas men-



Muhamad Zikri (dua dari kanan) menyemak senarai harga kawalan di Pasar Awam Kajang semalam.

jalankan pemeriksaan di  
 Pasar Awam Kajang sema-  
 lam sempena pelaksanaan  
 SHMMP bermula 21 Mei  
 lalu sehingga 19 Jun depan.

Sebelum ini, peniaga  
 mendakwa mereka terpaksa  
 akur dengan harga ditetap-  
 kan Kementerian meskipun  
 alami kerugian dengan

membeli harga lebih mahal  
 dari pemborong.

Dakwa mereka, pembor-  
 rong menjual kepada per-  
 uncut melebihi penetapan  
 harga SHMMP menyebab-  
 kan pemborong mempero-  
 leh untung maksimum se-  
 mentara peniaga menjadi  
 mangsa ditekan.

Jelas Muhamad Zikri,  
 aduan yang diterima itu per-  
 lu dilihat secara menyeluruh  
 dan perlu mengenal pasti  
 pemborong terlibat.

"Perlu lihat juga barang  
 itu diambil daripada pembor-  
 rong mana. Adakala fak-  
 tor logistik juga antara fak-  
 tor mempengaruhi  
 penentuan harga.

"Cuma menerusi SHM-  
 MP pemborong dan perun-  
 cut perlu mematuhi skim  
 harga maksimum yang di-  
 tetapkan," katanya.

Dalam perkembangan  
 lain, beliau berkata, seba-  
 nyak 2,602 peruncit dan 41  
 pemborong telah diperiksa  
 sejak 21 Mei sehingga kel-  
 matin.

"Daripada jumlah itu,  
 sebanyak 13 kesalahan me-  
 libatkan gagal guna tanda  
 harga khas dikesan oleh  
 peruncit. Tindakan di ambil  
 adalah mengeluarkan kom-  
 pauan dan rampasan ma-  
 sing-masing bernilai RM2,  
 000 dan RM963.

"Shah Alam mencata-  
 kan kes tertinggi sebanyak  
 lapan kes diikuti Sepang  
 empat kes dan satu kes di  
 Kajang," katanya.

SHMMP bagi Aidilfitri  
 melibatkan 24 barang ke-  
 perluan termasuk ayam,  
 daging, telur ayam, tomato,  
 kubis, kelapa, cili kering dan  
 lain-lain.